



(Lampiran 3)

MALAYSIA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 32  
No.24

1hb Disember 1988

TAMBAHAN No. 82  
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 640.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK 1952

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 41

FATWA berikut oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mengenai perkara-perkara yang dirujuk kepada Majlis di bawah seksyen 41 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 Negeri Selangor, sebagaimana diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974, adalah diterbitkan sebagaimana ditetapkan oleh Majlis menurut seksyen 42 (3) Enakmen itu:

*Enak. Sel.*  
*No. 3152.*

*P.U. (A)*  
*44174.*

“Bahawa—

- (i) Buku yang bertajuk “Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam sekaligus menjawab tuduhan” yang ditulis oleh Ustaz Hj. Ashaari Muhammad dan isi kandungannya; dan
- (ii) “Manaqib (riwayat hidup) Sheikh Muhammad bin Abdullah As Suhaimi” yang ditulis oleh Mohamad Taha Suhaimi dan juga yang ditulis oleh pihak-pihak lain dalam semua bahasa,

adalah diharamkan kerana kandungannya mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah serta mengelirukan masyarakat Islam.

Oleh itu orang Islam adalah dilarang daripada memiliki, menyimpan, mencetak, menjual, mengedarkannya atau mana-mana bahagian daripadanya atau mengamal ajaran dan fahaman tersebut.”

Bertarikh pada 11hb November 1988.  
[JAWIA/145; PN. (PU<sup>2</sup>) 197/II.]

DATO' DR MOHD. YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR,  
*Pengerusi,*  
*Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*



قائمت مفتي و لاه فرسك و نوار  
PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN